

Pendidikan Anak-Anak dalam Keluarga: Peranan Ibu Bapa

Usha Devi Letchumanan
Zaki Zulkifli
Bushrah Basiron

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia bushrah@utm.my

Suggested Citation:

Letchumanan, Usha Devi; Zulkifli, Zaki; & Basiron Bushrah. (2019). *Pendidikan Anak-Anak dalam Keluarga: Peranan Ibu Bapa*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019 dengan tema 'Ke Arah Pembentukan Masyarakat Cemerlang' bertempat di 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur, pada 18 Ogos 2018: 41-54, ISBN: 978-967-2171-91-1.

Abstract

Anak-anak merupakan komponen yang penting dalam sesebuah keluarga. Kewujudan mereka memerlukan perhatian dan juga penerapan nilai positif bagi memastikan mereka melangkah ke alam dewasa bukan sahaja dilengkapi dengan segala keperluan duniawi, tetapi juga dilengkapi dengan keperluan rohaniah agar dapat berhadapan dengan pelbagai cabaran kehidupan. Tanpa didikan yang rapi, anak-anak akan menghadapi pelbagai masalah untuk menghayati dan mempraktikkan nilai akhlak dan moral yang tinggi dalam kehidupan mereka. Oleh itu, kertas kerja ini memfokuskan tentang golongan ibu bapa yang memainkan peranan yang penting dalam memberikan didikan yang sempurna dan memastikan keperluan rohaniah khususnya diterapkan seawal mungkin dalam diri anak-anak. Dalam hal ini, konsep dan falsafah Islam merupakan antara intipati yang perlu dijadikan pedoman agar anak-anak berada pada landasan yang betul dan tidak mudah tersasar dari jalan kebenaran. **Kata Kunci:** Pendidikan anak-anak, keluarga, peranan ibu bapa.

References

- Abdul Munir Ismail, Saharizah Mohammad Salleh & Misnan Jemali. (2010). Analisis Bentuk Didikan Ibu Bapa Bagi Membentuk Sahsiah Cemerlang: Kajian di Sekolah Kebangsaan Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka. *Jurnal Pekspektif*, 1.
- Abdullah, Murihah, Abdul Hafiz, & Rosman, Arieff Salleh. (2015). *Identifikasi Peranan Ibu Bapa dalam Memastikan Kelangsungan Pendidikan Tahfiz Anak-Anak*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (IsPEN 2015), Selangor.
- Abu Dawud, Sulaiman. (2009). *Sunan Abi Dawud* (Shu'aib al-Arnaut & Muhammad Kamil Qurrah Balali Ed. Vol. 1-7). Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Achoui, Mustapha. (1998). Human Nature from a Comparative Psychological Perspective. *The American Journal of Islamic Social Sciences*, 15 (4), 71-95.
- Al-Attas, Profesor Syed Muhammad Naquib. (1980). The concept of education in Islam. 46.
- Al-Bukhari, Muhammad. (2001). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Jakarti, Iyas. (2014). *Hakikat Islam: Cara Mudah Memahami Diri Sendiri, Tuhan dan Kehidupan* (Revisi Pertama ed.). Jakarta: Padri Baru.
- Al-Qorni, 'Aidh Abdullah. (2010). *Mendidik Remaja Muslim Menjadi Orang Beriman & Bertakwa* (Mujahidin Muryadi, Trans.). Kuala Lumpur: Pustaka Al-Shafa.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. (1995). *Al-Mu'jam al-Ausat* ('Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Hasani Tariq bin 'Audullah bin Muhammad Ed. Vol. 1-10). Al-Qahirah: Dar al-Harmain.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. (1998). *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi* (Bashar 'Awad Ma'ruf Ed. Vol. 1-6). Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Alias, Hasbullah Hafiz, Abdul Hamid, Mohd Hakimi, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2019). *Melayar Keluarga yang Cemerlang dalam Islam*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019, 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur.
- Anom. (2003). Gejala Sosial - Sukar Kawal Pelajar Luar Kampus. *Utusan Malaysia*. Retrieved from http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=0118&pub=utusan_malaysia&sec=pendidikan&pg=pe_01.htm&arc=hive

- Arifin, Shamsul. (2014). Islam Ditinjau Dalam Aspek Pendidikan *Tarbiyatuna*, 8(1), 107-129.
- Baba, Sidek. (2007). *Keluarga Islam, Kemahiran Keibubapaan dan Cabaran Semasa* (Azrina Sobian Ed.). Petaling Jaya: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Basiron, Bushrah. (2006). *Wanita Cemerlang*. Skudai, Johor: Penerbit, Universiti Teknologi Press.
- Basiron, Bushrah, & Mhod Shubari, Mohammad Iqram. (2015). Mahasiswa dan Amalan Kerohanian. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Mahasiswa dan Kehidupan dari Perspektif Islam: Asas Pembangunan Diri* (Vol. 1). Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Basiron, Bushrah, Mustari, Mohd Ismail, Jasmi, Kamarul Azmi, Hamzah, Naemah, Kadikon, Sulaiman, & Hamzah, Abd. Rahman. (2016). *Status Wanita Muslim dalam Aspek Pendidikan*. Kertas kerja Dibentangkan di International Seminar on Islamic Studies and Research (ICIER2016), Eagle Bay Hotel Langkawi.
- Dakir, Hajah Jawiah. (1996). Asas Pembentukan Keluarga Menurut Perspektif al-Qur'an dan al-Sunnah. *ISLAMIY-YAT, Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*, 17(Selangor Darul Ehsan, Universiti Kebangsaan Malaysia), 3-18.
- Din, Haron. (2007). *Islam: Rujukan Efektif Akhlak Mulia*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Fakhrudin, Asmawati Suhid & Fathiyah Mohd. (2012). Gagasan Pemikiran Falsafah dalam Pendidikan Islam: Hala Tuju dan Cabaran. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4 (2) 57-70.
- Hamzah, Naemah. (2017). Nikah. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Edisi Kedua ed., Vol. 1, pp. 140-142). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES).
- Hamzah, Naemah, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2020). *Wanita Bekerjaya Menurut Perspektif Islam*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Hamzah, Naemah, Mustari, Mohd Ismail, & Basiron, Busharah. (2015). Model Pendidikan Kerohanian Terhadap Anak-anak dalam Kalangan Wanita Cemerlang Sektor Awam. 5(1), 13. *Harian Metro, Online*. (2012, 13 Mei 2012). Pantau Remaja Bermasalah. *Harian Metro, Online*. Retrieved from www.hmetro.com.my
- Hashim, Shahabuddin, & Abdul Rahman, Noor Miza. (2014). *Keadah Pengajaran dan Pembelajaran Kerohanian Kanak-Kanak*. Batu Caves, Selangor, Malaysia: PTS Media Groups Sdn. Bhd.
- Haslinda, Ratna Roshida & Nik. (2007). Peranan Institusi Keluarga Dalam Penjanaan Bangsa Bertamadun. *Journal Kemanusiaan*, 9(9), 10.
- Hassan, Amran. (2011). Konflik.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. (2009). *Sunan Ibn Majah* (Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah Ed. Vol. 1-5). Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Ina Fauzia. (2015). Prinsip dan Ajaran Islam dalam Ilmu Pengetahuan. Retrieved from <http://inafauzia95.blogspot.my/2015/05/prinsip-dan-ajaran-islam-dalam-ipteks.htm>
- Isa, Mohd, Fahmi, Arif, Yahya, Muhd, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Wanita dan Perkahwinan dalam Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Ismail, Adawiyah. (2011). Konsep Keluarga Berkualiti Menurut Islam. *Al-Hikmah*, 3(Selangor Darul Ehsan, Universiti Kebangsaan Malaysia), 121-144.
- Ismail, Ahmad Munawar, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2016). *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Jaapar, Nur Zahidah, & Azahari, Raihanah. (2011). Model Keluarga Bahagia Menurut Islam. *Fiqh*(8), 20.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2002). *Paradigma Al-Imam al-Nawawi Dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*: Universiti Malaya: Projek Sarjana.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2005). *Menjejaki Kecemerlangan Rasulullah S.A.W. dalam Pendidikan Keluarga Islam*. Kertas kerja Dibentangkan di Sambutan Maulid al-Rasul, Perkarangan Masjid Jamek Ladang Sri Gading Pekan Sri Gading Batu Pahat Johor. http://eprints.utm.my/41143/1/JasmiKA2005_MenjejakiKecemerlanganRasulullahdlmPendidikan.pdf
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2016a). Ilmu. In Azmi Kamarul Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam*. Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam (Malaysia).
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2016b). Pembangunan Akhlak. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Edisi Pertama ed., pp. 99-100). Skudai Johor:: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES).
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2017a). Ilmu. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Kedua ed., Vol. 1, pp. 85-87). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam (Malaysia).

- Jasmi, Kamarul Azmi. (2017b). Masalah Seksual dalam Kalangan Remaja dan Penyelesaiannya. In Azmi Kamarul Jasmi (Ed.), *Remaja Hebat Siri 1: Batasan dan Halangan Kecemerlangan Remaja Muslim*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2017c). Remaja dan Kehidupan Berbatasan dalam Beragama. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Remaja Hebat Siri 4: Batasan dan Halangan Kecemerlangan* (Vol. 4, pp. 15-34). Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018a). *Ciri Orang yang Bertakwa: Al-Baqarah (2: 1-5)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 2: Program Budaya al-Quran 26hb. Julai 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018b). *Ciri Orang Yang Bertakwa: Surah al-Baqarah (1: 1-5)*. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018c). *Hidayah sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Al-Fatihah (1: 1-7)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 1: Program Budaya al-Quran 19hb. Julai 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018d). *Hidayah Sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Surah al-Fatihah (1: 1-7)* (Vol. 1). Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018e). Karakter 7B Mukmin Cemerlang. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU)*, 4(1), 1-22.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2020). *Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam al-Nawawi*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Hong, Foo Chee, & Shamsuddin, Shazmeen Daniar. (2012, 22 September 2012). *Perkembangan Sosial Anak dan Hubungannya dengan Rakan Sebaya*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md Saleh @ Masrom, Siti Fauziyani. (2005). *Kecemerlangan Wanita Profesional Mengimbangi Tugas Rumah tangga dan Kerjaya: Perspektif Islam*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Wanita Profesional, Main Hall of Faculty of Education, Universiti Malaya. http://eprints.utm.my/41142/1/JasmiKA2005_KecemerlanganWanitaProfesionalMengimbangiTugas.pdf
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md Salleh, Siti Fauziyani. (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Md. Saleh @ Masrom, Siti Fauziyani, Mustari, Mohd Ismail, & Afgani @ Eusoff, Yendo. (2004). *Pembentukan Tatacara Kehidupan Beradab: Keperluan Asas Kanak-kanak Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Simposium Kebangsaan Kanak-kanak Menurut Perspektif Islam.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md. Saleh @ Masrom, Siti Fauziyani. (2020). Didiklah Kami dengan Sempurna.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Mustari, Mohd Ismail, Bachok, Nurul Atika, & Chik, Nong. (2017). Membina Remaja Cemerlang dengan Kerohanian. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Remaja Hebat: Dasar mbaagwiaa Remaja Hebat, P.*, ISBN: 978-983-52-1376-2. (Vol. 1, pp. 57-81). Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Mustari, Mohd, & Mohamed, Ahmad Kilani. (2004). Pendidikan Akhlak kepada Allah SWT: Nadi Penggerak Pembangunan Peradaban Insan.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Suratman, Azmi Shah. (2007). Pembangunan Modal Insan yang Sempurna Menurut Perspektif Al-Imam-Al-Nawawi.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Kaawoan, Selviyanti. (2014). Pendidikan Agama Islam dalam membentuk Perilaku Toleran pada Warga Sekolah. *Manajemen Pendidikan Islam*, 2(1), 8.
- Mansor, Aminuddin. (2017, December 26). Bentuk anak dengan didikan agama. *Utusan Online*, 1.
- Mat Naib, Norfarhana. (2017). *Peranan Ibu Bapa Dalam Mendidik Anak-Anak*. (Ijazah Sarjana Muda Syariah), KIAS. (031)
- Md Saman @ Osman, Asri. (2012). *Peranan Ibu Bapa dalam Mendidik Anak-Anak*. Jitra Kedah: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPG Kampus Darulaman.
- Mohamad Fauzi, Muhammad Shafiq, Mohd Sofian, Siti Nur Akira, & Jasmi, Kamarul Azmi (2019). *Persediaan Asas ke Gerbang Perkahwinan*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019, 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur.
- Mohd, Jeffry, Teck, Kho Vi, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Islam dan Pendidikan Wanita*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Nasir, Abdul Kadir. (2012). Kemahiran Ibu Bapa. Retrieved from <http://www.myhealth.gov.my/kemahiran-ibu-bapa/>
- Mohd Noor, Ahmad Firdaus, Jasmi, Kamarul Azmi, & A Shukor, Khairunnisa. (2013, 17-18 September 2013). *Masalah Sosial dalam Kalangan Pelajar dan Peranan Pensyarah Pendidikan Islam dalam Pengajaran dan*

- Pembelajaran*. Kertas Kerja Dibentangkan di Prosiding Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam [SePPIM'13], The Main Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Rashid, Nor Amirah, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2005). *Kesan Negatif Globalisasi Terhadap Wanita Islam dan Penyelesaiannya*. Kertas kerja Dibentangkan di International Seminar On Muslim Women: Future & Challenges In Shaping The Ummah, Sofitel Palm Resort, Senai Johor. http://eprints.utm.my/41146/1/Mohd%20RashidNA2005_PengaruhGlobalisasiTerhadapWanita.pdf
- Muhammad, Azhar, Jusoh, Yahaya, Basiron, Bushrah, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2005). *Pengiktirafan Islam Terhadap Hak Wanita dalam Bidang Pendidikan dan Kerjaya*. Kertas kerja Dibentangkan di International Seminar On Muslim Women: Future & Challenges In Shaping The Ummah, Sofitel Palm Resort, Senai Johor. http://eprints.utm.my/41145/1/MuhammadA2005_PengiktirafanIslamTerhadapHakWanita.pdf
- Mun, M.T.A.A. (2010). *Meraih Berkah Dengan Menikah*. Yogyakarta: Pustaka Marwa.
- Muslim, A. Kadir. (2003). *Ilmu Islam Terapan*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Muslim, al-Hajjaj. (t.th.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.
- Nasih Ulwan, Abdullah. (1999). *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam (Terj.)*. Singapura: Pustaka Nasional PTE. LTD.
- Nugroho, Puspo. (2012). Pendidikan Kerukunan Umat Beragama; Telaah Konsep Kerukunan Umat Beragama Perspektif Pendidikan Islam. *Mudarrisa*, 4(2), 22.
- Nur Zahidah, J & Raihanah, A. (2011). Model Keluarga Bahagia Menurut Islam. *Journal Fiqh*, 8(8).
- Ratna Roshida, Abd. Razak, & Nik Haslinda, Nik Hussain. (2007). Peranan Institusi Keluarga dalam Penjaan Bangsa Bertamadun. *Jurnal Kemanusiaan*, 9, 10.
- Safar, Ajmain@Jimaain. (2017). Pendidikan Akhlak. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (2 ed., Vol. 1, pp. 173-180). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Sharif, Zainudin, & Mohamad Roslan, Norazmah. (2011). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Remaja Terlibat dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling, volume, 1*(1), 115-140.
- Siron, Rusinah. (2010). Remaja dan Masalah Sosial. *Utusan Malaysia*.
- Suhid, Asmawati. (2005a). Kerelevanan pendidikan nilai dan agama dalam pembentukan masyarakat madani. *Pendidikan Islam, Jilid II*, (Bil 2 Mac).
- Suhid, Asmawati. (2005b). Pemantapan Komponen Akhlak dalam Pendidikan Islam bagi Menangani Era Globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan*, 6(S), 95-104.
- Ulwan, Dr Abdullah Nasih. (2008). Pendidikan Anak-anak Dalam Islam. 1(2).
- Utusan. (2018). KPI Dalam Mendidik Anak. *Utusan*. Retrieved from <https://www.utusan.com.my/mega/agama/kpi-dalam-mendidik-anak-1.436623> pada 9 Julai 2019
- Wan Embong, Wan Hassan. (2017a). Konsep Pendidikan Islam. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Kedua ed., Vol. 1, pp. 118-120). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Wan Embong, Wan Hassan. (2017b). Pendidikan. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Kedua ed., Vol. 1, pp. 170-173). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Yunus, Qamaruddin. (1978). *Pedoman Hidup Berkeluarga Menurut Islam*. Kelantan: Pustaka Aman Press.
- Yusooff, Che Hasniza Che Noh & Fatimah. (2011). Corak Komunikasi Keluarga dalam Kalangan Keluarga Melayu di Terengganu. *Hadhari*, 3(2), 45-62.
- Zabidi, Ahmad Fakhurrazi Mohammed Zabidi & Mahfuzoh Mohammed. (2014). Pedoman Al-Quran dan Al-Sunnah Terhadap Pedagogi Kerohanian dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Universiti. The 4th International Conference and Exhibition on Islamic Education 2014. 503-511.
- Zaid, Siti Salwa, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). *Pendidikan Sosial Menurut Imam al-Nawawi: Satu Kajian Teks terhadap Kitab Riyad al-Salihin*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Zainal, Khalim, & Wan Hassan, Wan Zulkifli. (2009). Pendekatan Islam dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar dalam Kalangan Pelajar Sekolah: Satu Kajian Kes. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(2), 1-14.
- Zaki, Engku Ahmad. (2010). *Aku Nikah Akan Dikau*. Kuala Lumpur: Must Read Sdn Bhd.
- Zambri, Zairie Sahira, Abdullah, Fazlin, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2019). *Kemahiran Penting Ibu Bapa untuk Pembentukan Keluarga Cemerlang*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019, 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur.

4

PENDIDIKAN ANAK-ANAK DALAM KELUARGA: PERANAN IBU BAPA

Usha Devi Letchumanan
Zaki Zulkifli
Bushrah Basiron

Abstrak

Anak-anak merupakan komponen yang penting dalam sesebuah keluarga. Kewujudan mereka memerlukan perhatian dan juga penerapan nilai positif bagi memastikan mereka melangkah ke alam dewasa bukan sahaja dilengkapi dengan segala keperluan duniawi, tetapi juga dilengkapi dengan keperluan rohaniyah agar dapat berhadapan dengan pelbagai cabaran kehidupan. Tanpa didikan yang rapi, anak-anak akan menghadapi pelbagai masalah untuk menghayati dan mempraktikkan nilai akhlak dan moral yang tinggi dalam kehidupan mereka. Oleh itu, kertas kerja ini memfokuskan tentang golongan ibu bapa yang memainkan peranan yang penting dalam memberikan didikan yang sempurna dan memastikan keperluan rohaniyah khususnya diterapkan seawal mungkin dalam diri anak-anak. Dalam hal ini, konsep dan falsafah Islam merupakan antara intipati yang perlu dijadikan pedoman agar anak-anak berada pada landasan yang betul dan tidak mudah tersasar dari jalan kebenaran.

Kata Kunci: Pendidikan anak-anak, keluarga, peranan ibu bapa.

PENGENALAN

Keluarga merupakan entiti asas dalam masyarakat dan seterusnya akan membentuk sebuah negara (Jasmi, 2002; Jasmi & Suratman, 2007; Yusoooff, 2011; Jasmi, 2018e, 2020). Jika dilihat dari perspektif Islam pula, keluarga merupakan sebuah entiti yang wujud ekoran ikatan sah (akad nikah) dan mempunyai komponen suami, isteri serta anak-anak (Nur Zahidah, 2011). Sebagai institusi asas, ibu bapa memainkan peranan yang sangat besar dan penting dalam mencorakkan pembangunan sahsiah anak-anak. Hal ini demikian kerana dalam membina modal insan bagi sesebuah keluarga, aspek yang tidak dapat dinafikan sebagai komponen yang penting adalah penerapan nilai kerohanian (Hashim & Abdul Rahman, 2014; Basiron & Mhod Shubari, 2015; Hamzah *et al.*, 2015; Jasmi *et al.*, 2017). Perkara ini yang kurang diberikan perhatian serius, membuka ruang kepada kewujudan pelbagai bentuk kepincangan moral yang boleh mengancam kestabilan bukan sahaja sesebuah keluarga dari dalam, tetapi juga menjejaskan kualiti modal insan sesebuah negara (Zainal & Wan Hassan, 2009; Siron, 2010; Sharif & Mohamad Roslan, 2011; *Harian Metro*, 2012; Mohd Noor *et al.*, 2013; Jasmi, 2017b). Dalam membicarakan perkara ini, harus diambil maklum bahawa Islam menggesa setiap ibu bapa mengambil berat tentang aspek pendidikan anak-anak. Dalam al-Quran, Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ غِلَاظٌ شِدَادٌ
لَّا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

Maksud: *Hai orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu, penjaganya malaikat-malaikat yang kasar, keras, dan tidak mendurhakai Allah terhadap apa yang diperintahkan-Nya kepada mereka dan selalu mengerjakan apa yang diperintahkan“.*

(Surah *al-Tahrim*, 66: 6)

Ayat ini merupakan seruan dan juga bukti bahawa sebagai pengemudi sesebuah institusi keluarga, golongan ibu bapa seharusnya memberikan tumpuan kepada perkara seperti aspek panduan dan ruang persekitaran yang kondusif bagi anak-anak. Namun, di zaman era masa kini, wujud pelbagai bentuk rintangan yang mana jika tidak diambil perhatian, berkemampuan untuk menjejaskan pembinaan keharmonian dalam sebuah keluarga (Yunus, 1978; Dakir, 1996; Jasmi, 2005; Baba, 2007; Jasmi & Md Salleh, 2007; Ratna Roshida & Nik Haslinda, 2007; Hassan, 2011; Ismail, A., 2011; Jaapar & Azahari, 2011). Walau bagaimanapun, ujian ini merupakan halangan yang sangat mudah ditangani yang mana pegangan agama dan aspek kerohanian perlu diterapkan sentiasa dalam institusi keluarga supaya institusi berkenaan mengamalkan perilaku yang sihat (Haslinda, 2007). Melalui pegangan sedemikian, setiap komponen dalam sesebuah keluarga akan sentiasa berada dalam situasi jiwa yang tenang dan iman yang kukuh dan seterusnya mampu melahirkan jati diri yang positif.

IBU BAPA PENDIDIK UTAMA ANAK-ANAK

Kepentingan peranan ibu bapa adalah bagi memastikan institusi keluarga diterapkan dengan nilai positif melalui pendidikan ibu bapa di rumah. Hal ini demikian bermakna ibu bapa tidak boleh sekadar mengharap guru sebagai tenaga pembimbing atau pengajar utama bagi anak-anak mereka. Sebaliknya, ibu bapa perlu proaktif dalam merapati anak-anak dan memberikan panduan bagi membina nilai akhlak yang positif dalam diri seawal usia muda (Jasmi, Mustari, *et al.*, 2004; Suhid, 2005b; Din, 2007; Ismail, A. M. & Jasmi, 2016; Jasmi, 2016b; Alias *et al.*, 2019; Mohamad Fauzi *et al.*, 2019; Zambri *et al.*, 2019). Jika ibu bapa tidak memainkan peranan sebegini, maka tidak mustahil anak-anak akan mudah terdedah dan terpengaruh dengan gejala-gejala yang boleh memesonkan akidah dan seterusnya menjejaskan keimanan diri. Seterusnya, ini berkemungkinan besar akan membawa kepada keadaan di mana anak-anak akan lemah dalam pendidikan dan tidak memiliki kekuatan untuk menilai yang baik dan buruk dalam kehidupan seharian (Utusan, 2018).

Dalam sesebuah institusi keluarga, golongan wanita memainkan peranan yang sangat signifikan, yang mana mereka adalah antara penggerak utama dalam sesebuah keluarga. Darjat wanita dalam keluarga itu sendiri adalah tinggi dan mempamerkan peranan mereka yang sangat penting (Basiron, 2006; Jasmi & Md. Saleh @ Masrom, 2020; Jasmi, 2020; Hamzah & Jasmi, 2020; Jasmi, 2018e). Dalam memastikan keluarga terbentuk dengan baik, ciri penting yang perlu diterapkan adalah seperti perasaan saling menghormati dan tekad untuk menghindari ciri negatif yang perlu dijauhi. Dengan itu, setiap ahli dalam sesebuah keluarga memainkan peranan dan menyumbang ke arah memastikan institusi berkenaan berjaya. Namun, wanita sebagai isteri dan ibu dalam keluarga merupakan entiti yang paling signifikan dalam menjalankan peranan penting ini. Tanpa golongan “penghayun buaian” ini, mustahil sebuah keluarga yang cemerlang secara holistik akan dapat dibentuk.

Hakikat peredaran zaman masa kini membuka pelbagai peluang bagi kaum hawa untuk berdikari dan mendapatkan peluang sama seperti kaum lelaki (Jasmi & Md Saleh @ Masrom, 2005; Mohd Rashid & Jasmi, 2005; Muhammad *et al.*, 2005; Isa *et al.*, 2012; Mohd *et al.*, 2012; Basiron *et al.*, 2016). Mereka bukan sahaja diberikan ruang untuk berdikari, tetapi juga

pengiktirafan berhubung kemampuan luar biasa mereka dalam pelbagai bidang. Dengan kemajuan diri sedemikian, hasrat dan harapan mereka sudah tentu juga akan lebih tinggi dan ia memerlukan golongan suami untuk bersedia dengan penerimaan yang lebih baik. Sekiranya aspek ini dapat diberikan fokus dan diamalkan dengan positif, nescaya kanak-kanak dalam sesebuah keluarga akan mempunyai akses yang lebih meluas serta terdedah dengan penerapan ilmu pada kadar yang lebih pantas. Dalam perkara ini, golongan lelaki yang tidak dapat memastikan dirinya berkemampuan untuk menjalankan kewajipan memberi nafkah, mendidik dan melindungi seseorang wanita, mereka perlulah membuat persediaan terlebih dahulu dan tidak seharusnya mengambil keputusan segera untuk mendirikan rumah tangga. Hal ini demikian kerana sebagai seorang suami, individu berkenaan sepatutnya bukan sahaja dapat menjaga hati golongan wanita, tetapi juga dapat menjalankan tanggungjawab yang aktif dalam aspek mendidik anak-anak (Jasmi, Md. Saleh @ Masrom, *et al.*, 2004).

Bagi setiap individu yang bergelar ibu, pemeliharaan dan didikan anak merupakan jasa yang paling besar dan terbilang yang boleh dicurahkan bagi memenuhi tuntutan agama dalam menjayakan sesebuah institusi keluarga. Sekiranya peluang mendidik anak-anak ini tidak diambil serius dan dipandang remeh, ia berkemungkinan akan membawa bukan sahaja kepada nilai sendiri individu yang lemah, tetapi juga kepada asas sesebuah negara yang goyah.

Dalam hal ini, Allah mencipta umatnya dengan dua perspektif yang berbeza, iaitu untuk tunduk kepada desakan hawa nafsu atau untuk tampil melaksanakan perkara yang positif. Pada masa sama, Allah juga memberikan anugerah akal bagi setiap individu untuk membuat pilihan serta penilaian tentang segala perkara yang hendak dilakukan, sama ada bernilai positif atau negatif demi meraih keredaan Allah. Dalam hal ini, setiap insan seringkali mengalami pergolakan jiwa dan berada dalam dilema minda, kecelaruan hati serta tingkah laku. Perkara ini juga merupakan punca yang boleh membawa kepada isu sosial yang berbangkit (Anom, 2003; Siron, 2010; Jasmi *et al.*, 2012; Zaid & Jasmi, 2012; Mohd Noor *et al.*, 2013). Walau bagaimanapun, segala kecelaruan ini boleh dielakkan jika seseorang individu mengamalkan nilai murni dan bertaqwa kepada Allah SWT (Al-Qorni, 2010; Jasmi, 2018c, 2018a, 2018d, 2018b) yang mana diri individu tersebut akan berada dalam ketenangan walaupun berhadapan dengan pelbagai perkara negatif. Firman Allah SWT:

﴿ وَمَا أُرِيُّ نَفْسِي إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَّارَةٌ بِالسُّوءِ إِلَّا مَرَحِمَ رَبِّي إِنَّ رَبِّي غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴾

Maksud: *Dan aku tidak (menyatakan) diriku bebas (dari kesalahan), kerana sesungguhnya nafsu itu selalu mendorong kepada kejahatan, kecuali (nafsu) yang diberi rahmat oleh Tuhanku. Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun, Maha Penyayang.*

(Surah Yusuf, 12: 53)

Ayat berkenaan memberikan penerangan bahawa dalam diri setiap individu, akan timbul dilema melibatkan pertembungan nilai terhadap kemahuan yang dirasai, berbanding tatacara sosial. Hal ini sebenarnya timbul daripada hakikat bahawa setiap individu hanya hidup sementara di dunia dan kehidupan mereka dipenuhi ujian dan dugaan. Oleh yang demikian, golongan ibu bapa perlu menilai aspek ini dan bertindak bijak dalam mengambil segala langkah perlu supaya anak-anak mereka dilengkapi segala keperluan rohaniah yang secukupnya. Pada masa sama, adalah penting juga agar golongan kanak-kanak diberikan didikan sempurna merangkumi tumbesaran minda yang sihat agar mereka dibesarkan dengan ciri dan suasana positif secara menyeluruh.

KAEDAH PENDIDIKAN ANAK-ANAK

Terdapat beberapa kaedah yang boleh diguna pakai oleh ibu bapa dalam memainkan peranan sebagai golongan pendidik yang efisien dalam sesebuah keluarga. Kualiti ibu bapa yang dipertontonkan kepada anak-anak, merupakan pengaruh yang besar dan major khususnya untuk anak-anak membina pengertian mereka mengenai erti kehidupan. Hakikatnya, ibu bapa merupakan golongan pertama yang akan berpeluang memberikan impresi serta mencorakkan persepsi anak-anak dalam mengenal dunia. Hal ini demikian membuktikan bahawa kanak-kanak mempunyai keupayaan bagi menyerap ilmu yang diberikan pada usia yang muda (Hassan, 2011; Md Saman @ Osman, 2012; Mohd Nasir, 2012; Abdul Munir Ismail, 2010; Abdullah *et al.*, 2015; Zambri *et al.*, 2019; Mat Naib, 2017). Pada tahap ini, ibu bapa mempunyai kelebihan untuk menjadi pembimbing utama bagi kanak-kanak yang dibesarkan dari awal dengan nilai kerohanian yang positif. Untuk itu, ibu bapa perlu memainkan peranan yang aktif secara berterusan dalam memberikan panduan kepada anak-anak dan bertindak sebagai *role model* untuk memastikan penerapan yang lebih efisien.

Kanak-kanak merupakan golongan istimewa kerana mereka ibarat kain putih apabila dilahirkan. Mereka akan menyerap segala tunjuk ajar dan juga menerima bimbingan yang diberikan semenjak usia muda bagi membuka jalan kearah kebaikan. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW (Al-Bukhari, 2001: 6599; Muslim, a.-H., t.th.: 2658):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ وَيُنَصِّرَانِهِ وَيُجَاهِلَانِهِ».

Maksud: *Abu Hurayrah RA berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Setiap anak yang dilahirkan adalah dalam keadaan bersih melainkan dua orang tuanya yang bertanggungjawab mencorakkannya menjadikan Yahudi atau Nasrani atau Majusi.*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Berdasar kepada hadis di atas, dapat dilihat bahawa ibu bapa bukan sahaja mempunyai peranan, tetapi juga bertanggungjawab yang besar dalam memberikan contoh teladan agar anak-anak dipamerkan dengan sikap dan sifat positif untuk dijadikan amalan. Seharusnya, ia menjadi pedoman bagi setiap warga ibu dan bapa bahawa ciri serta nilai yang mereka tampilkan di hadapan anak-anak, bakal menjadi ikutan generasi berkenaan dan dibawa ke generasi seterusnya. Oleh yang demikian, adalah penting untuk memastikan amalan positif sentiasa dipegang erat bagi memastikan objektif pembentukan sendiri kanak-kanak bermula di landasan yang betul sejak daripada awal lagi.

Kepimpinan Melalui Teladan

Ibu bapa sebagai penggerak utama dalam sesebuah institusi keluarga perlu sentiasa memberikan perhatian untuk memastikan hubungan baik sesama mereka terpelihara. Hubungan yang dimaksudkan ini bukan berlandaskan hawa nafsu semata-mata tetapi lebih kepada persefahaman dan keakraban yang tidak mungkin akan dapat diganggu gugat oleh mana-mana anasir luar. Dengan demikian, kedua-dua individu yang bergelar ibu dan bapa perlu sentiasa menerapkan dalam diri mereka bahawa tanggungjawab mereka adalah untuk menyediakan pendidikan terbaik untuk kanak-kanak dan perkara ini merupakan satu peranan dan tanggungjawab yang berat.

Walaubagaimanapun, perkara yang sukar ini akan menjadi mudah apabila ciri keislaman diterapkan secara teguh dalam institusi keluarga berkenaan (Kaawoan, 2014; Nugroho, 2012; Jasmi, 2017c; Mansor, 2017). Selain itu. Antara yang paling penting yang perlu sentiasa diberikan perhatian oleh ibu bapa dalam aspek ini adalah hakikat bahawa asas yang teguh di peringkat kanak-kanak akan membawa kepada pembentukan diri individu yang mapan di masa hadapan (Jasmi, Md. Saleh @ Masrom, *et al.*, 2004).

Seterusnya, sebagai ibu dan bapa yang membentuk komponen terpenting dalam sesebuah keluarga, mereka perlu sedar bahawa persengketaan yang membawa kepada perceraian dalam sesebuah perkahwinan merupakan perosak kepada masa depan anak-anak kerana situasi ini akan merampas kebahagiaan sesebuah keluarga dan seterusnya, mendorong pelbagai aspek negatif meresap masuk ke dalam diri dan jiwa anak-anak.

Menekankan Pendidikan yang Bersifat Kejiwaan Menerusi Nasihat dan Bimbingan

Terdapat tiga komponen utama dalam membincangkan perihal pendidikan. Yang pertamanya adalah aspek fizikal. Kedua, adalah aspek mental dan yang ketiga merupakan aspek rohaniah. Dua komponen yang awal, iaitu fizikal dan mental merupakan perkara yang boleh dipertanggungjawabkan kepada golongan guru untuk dibentuk dalam diri kanak-kanak. Walau bagaimanapun, didikan rohaniah merupakan teras yang utama dalam ketiga-tiga komponen berkenaan dan pengukuhan hanya boleh dikendalikan oleh golongan ibu bapa (Hamzah *et al.*, 2015; Hashim & Abdul Rahman, 2014; Basiron & Mhod Shubari, 2015; Jasmi *et al.*, 2017). Hal ini demikian kerana pendidikan rohaniah ini merupakan ruang pembentukan bagi nilai sendiri yang tinggi dalam setiap insan dan akan menyediakan landasan yang baik untuk kehidupan seseorang individu. Dalam hal ini, Islam sebagai satu cara hidup yang efisien dan mencakupi kesemua aspek keperluan, merupakan landasan terbaik untuk memastikan seseorang individu dapat menerima didikan yang terbaik (Al-Jakarti, 2014).

Apabila Islam diaplikasikan dalam kehidupan seharian sesebuah keluarga, ciri positif yang diterapkan dalam diri kanak-kanak akan memacu mereka ke arah jalan yang positif. Jalan positif ini seterusnya akan memastikan setiap individu dapat mempelajari aspek penting bahawa disiplin diri boleh dibentuk dan hawa nafsu boleh dikawal demi melahirkan individu yang berakhlak mulia dan bermoral tinggi (Jasmi, Md. Saleh @ Masrom, *et al.*, 2004).

Dengan itu, dapat difahami bahawa penerapan didikan fizikal dan mental yang tidak mengambil kira kepentingan penerapan rohaniah akan membawa kepada keadaan pembangunan masyarakat dan komuniti yang maju namun mempunyai kelemahan yang ketara dalam aspek nilai spiritual. Contoh terbaik dalam perkara ini boleh dilihat daripada arus pembangunan di negara-negara Barat yang mana aspek spiritual dalam didikan anak-anak tidak diberikan penekanan, malah dilihat sebagai membebankan dan menyekat kemajuan individu. Oleh kerana itu, kehidupan mereka lebih berpaksikan kepada sains yang berdasarkan akal semata-mata sebagai teras kehidupan. Selain itu, tumpuan khusus yang mereka berikan kepada unsur-unsur ilmu sains apabila membicarakan pendidikan kanak-kanak akhirnya membawa kepada keadaan di mana unsur sosial dalam sesebuah masyarakat tidak berkembang selari dengan keperluan rohaniah. Hal ini demikian kerana golongan berkenaan tidak mengambil berat mengenai kepentingan spiritual dan akhirnya menggadaikan penerapan nilai murni dalam diri kanak-kanak.

Apabila membincangkan didikan untuk kanak-kanak, adalah amat bertepatan sekiranya golongan ibu dinamakan sebagai sumber didikan utama bagi kanak-kanak. Malah, golongan ibu juga merupakan sumber pengukuhan rohaniah bagi kanak-kanak di bawah jagaannya. Walaupun begitu, ini tidak sama-sekali menafikan peranan bapa yang juga penting dalam mendidik anak-anak.

PENEKANAN KEPADA PENDIDIKAN ROHANIAH

Islam memberi penekanan kepada objektif pembentukan insan kamil, iaitu dalam aspek seseorang individu yang lengkap dengan tahap kecerdasan mental dan juga spiritual (Arifin, 2014). Perkara ini tidak akan dapat menjadi kenyataan tanpa penetapan susun galur dan arah panduan pendidikan yang mapan. Atas justifikasi tersebut, cendekiawan bidang Pendidikan Islam tidak pernah jemu dalam usaha mereka memantapkan aspek pembangunan demi proses pembentukan insan yang dapat mengasimilasi segala perkara berkenaan. Berdasarkan pendapat yang dinyatakan oleh (Zabidi, 2014), aspek kerohanian adalah tunjang dalam menentukan keperibadian yang baik dapat dibentuk. Ia adalah antara objektif pendidikan Islam kerana wujudnya unsur roh dalam diri setiap insan (Fakhrudin, 2012). Unsur tersebut berkait rapat dengan keimanan yang mana diterjemahkan melalui amalan (Achoui, 1998).

Pendidikan berunsur kerohanian akan menggerakkan seseorang individu ke arah amalan soleh yang mana ia lahir secara ikhlas kerana Allah SWT serta menepati keperluan syarak. Tahap kerohanian sendiri yang kukuh akan membolehkan seseorang individu mempunyai keupayaan yang tinggi untuk berhadapan dengan pelbagai bentuk rintangan dalam hidupnya. Malah, tahap kerohanian seseorang itu akan diperlihatkan dengan keterampilan akhlak dan nilai positif (Ajmain et. al 2012). Hal ini demikian bertepatan dengan sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh al-Nu ‘man bin Bashir (Al-Bukhari, 2001: 52; Muslim, a.-H., t.th.: 1599):

أَلَا وَإِنَّ فِي الْجَسَدِ مُضْغَةً: إِذَا صَلَحَتْ صَلَحَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، وَإِذَا فَسَدَتْ فَسَدَ الْجَسَدُ كُلُّهُ، أَلَا وَهِيَ الْقَلْبُ.

Maksud: *Ketahuilah bahawa pada jasad itu terdapat segumpal daging. Jika ia baik, maka baiklah seluruh jasadnya. Jika ia buruk, maka buruklah seluruh jasadnya. Ketahuilah bahawa itu adalah hati.*

(Al-Bukhari)

Selain guru, ibu bapa merupakan insan yang paling banyak mempunyai impak kepada diri kanak-kanak. Atas alasan itu, ibu bapa perlu bertindak sebagai pemangkin untuk memastikan aspek kerohanian anak-anak diberikan tumpuan dan juga digilap seawal mungkin. Bak kata pepatah “melentur buluh, biarlah dari rebungnya”, ia bertepatan dengan mesej bahawa pembentukan kerohanian diri yang akan membawa kepada amalan soleh adalah amat bergantung kepada penekanan yang diberikan oleh ibu bapa dalam aspek menggariskan kepentingan kerohanian sebagai salah satu input dalam diri kanak-kanak.

PENERAPAN KEPENTINGAN PENDIDIKAN

Usaha ke arah meraih ilmu pengetahuan merupakan satu perkara yang sangat penting kerana ia menjurus ke arah melahirkan seseorang individu yang memiliki pemahaman dan kemahiran yang lebih tinggi (Ina Fauzia, 2015; Muslim, A. K., 2003; Jasmi, 2016a, 2017a). Hal ini dinyatakan dalam hadis (Al-Tirmidhi, 1998: 3510):

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ رضي الله عنه، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ قَالَ: إِذَا مَرَرْتُمْ بِرِيَاضِ الْجَنَّةِ فَارْتَعُوا قَالُوا: وَمَا رِيَاضُ الْجَنَّةِ؟ قَالَ: جَلَّتْ الدُّكُرُ.

Maksud: *Anas bin Malik RA* bahwa *Rasulullah SAW* bersabda, “Apabila kamu berjalan di kebun syurga, hendaklah kamu merasai kenikmatannya.” Para sahabat bertanya, “Apa dia kebun syurga itu?” Sabda *Rasulullah SAW*: “Program zikir (mengingati Allah SWT).”

(*Al-Tirmidhi*)

Seterusnya dinyatakan dalam sabda *Rasulullah SAW* daripada hadis yang diriwayatkan oleh *Abu al-Darda' RA* (*Al-Tirmidhi*, 1998: 2682; *Abu Dawud*, 2009: 3641; *Ibn Majah*, 2009: 223):

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَظْلُبُ فِيهِ عِلْمًا سَلَكَ اللَّهُ بِهِ طَرِيقًا مِّنْ طُرُقِ الْجَنَّةِ.

Maksud: *Sesiapa yang menempuhi satu jalan untuk menuntut ilmu, Allah akan memudahkan jalan baginya untuk ke syurga.*”

(*Al-Tirmidhi, Abu Dawud, dan Ibn Majah*)

Selain itu, satu hadis lain juga ada menyatakan (*Al-Tabrani*, 1995: 5365):

عَنْ جَابِرٍ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «لَا يَنْبَغِي لِلْعَالِمِ أَنْ يَسْكُتَ عَلَى عِلْمِهِ، وَلَا يَنْبَغِي لِلْجَاهِلِ أَنْ يَسْكُتَ عَلَى جَهْلِهِ»، قَالَ اللَّهُ ﷻ ذِكْرُهُ: «فَسَأَلُوا أَهْلَ الذِّكْرِ إِنْ كُنْتُمْ لَا تَعْلَمُونَ».

Maksud: *Jabir RA* berkata, “*Rasulullah SAW* bersabda, “Tidak harus bagi orang yang jahil untuk berdiam diri atas kejahilannya (yakni tidak belajar) dan tidak harus bagi orang yang alim berdiam atas ilmunya (yakni tidak mengajar). Allah SWT berfirman, “Maka bertanyalah kepada orang yang berilmu, jika kamu tidak mengetahui”

(*Al-Tabrani*: 5365)

Apabila mendalami maksud pendidikan, ia tidak mungkin dapat dipisahkan daripada menyentuh aspek nilai akhlak dan moral. Oleh yang demikian, ia berkait rapat dengan kalimah “ta’dib” yang pada kata dasarnya adalah membawa maksud mendidik dan mengajar adab atau akhlak (*Nasih Ulwan*, 1999; *Jasmi & Tamuri*, 2007; *Safar*, 2017; *Wan Embong*, 2017a, 2017b). Sebagaimana dijelaskan oleh *Suhid* (2005a) bahwa *Al-Ghazali* juga menekankan maksud pendidikan, iaitu menanam perangai baik dalam diri kanak-kanak supaya mereka “dapat menilai antara yang benar dan yang salah”. Pendapat ini juga sealiran dengan hujah (*Al-Attas*, 1980) bahwa pendidikan merupakan proses penerapan adab ke dalam diri seseorang. Tegasnya, menurut perspektif Islam, pendidikan memainkan peranan penting dalam melahirkan insan yang berakhlak dan bermoral tinggi.

Golongan ibu bapa mempunyai kewajipan untuk memenuhi setiap keperluan golongan anak-anak. Antara keperluan tersebut adalah bersifat kerohanian yang mana perhatian perlu diberikan terhadap perkembangan pendidikan kanak-kanak. Apabila golongan ibu bapa memberikan penekanan dan perhatian dalam aspek ini, anak-anak sudah tentu akan lebih cenderung untuk kekal di landasan positif dengan bantuan serta panduan rapi daripada ibu bapa.

PERANAN PENDIDIKAN DALAM KELUARGA

Pendidikan adalah asas dalam kehidupan manusia dan pendidikan memiliki peranan yang penting dalam mencorakkan masa depan generasi akan datang. Jika sesebuah keluarga mempunyai pendidikan yang baik, maka akan lahirlah manusia yang bertanggungjawab dan berkualiti. Pendidikan berperanan untuk mengajar perubahan dan perkembangan hidup serta erti kehidupan bagi umat manusia. Manakala keluarga pula merupakan sumber dan institusi yang paling penting dan utama dalam menerapkan pendidikan terhadap kanak-kanak dalam Islam.

Secara umumnya, pendidikan agama memainkan peranan yang penting dalam pembentukan keluarga yang baik. Dalam mewujudkan keperibadian mulia seseorang anak, keluarga adalah komponen yang besar untuk membentuk anak yang baik. Hal ini demikian adalah kerana anak memperoleh pendidikan awal daripada keluarga. Dengan itu, keluarga sangat berperanan dalam mempengaruhi proses perkembangan dan seterusnya membentuk keperibadian mulia anak-anak dan sekaligus boleh menjauhkan mereka daripada keruntuhan akhlak dan moral. Seorang pemikir Muslim, (Ulwan, 2008) menyatakan peri pentingnya kanak-kanak diberikan pendedahan alam pendidikan yang mengandungi unsur-unsur yang berteraskan Islam. Malahan perkara ini perlu diberikan penekanan bukan sahaja setelah kehadiran kanak-kanak dalam keluarga, tetapi perlu dirancang lebih awal lagi, iaitu pada tahap seseorang individu merancang untuk berkahwin.

Aspek ini diberikan penekanan kerana pendidikan merupakan peluang kepada masyarakat untuk meninggikan tahap pengetahuan demi memastikan diri berjaya melepasi pelbagai cabaran dan rintangan hidup yang dicetuskan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Perkara ini dinyatakan dalam firman Allah SWT:

ثُمَّ جَعَلْنَاكَ عَلَىٰ شَرِيحَةٍ مِّنَ الْأَمْرِ فَاتَّبِعْهَا وَلَا تَتَّبِعْ أَهْوَاءَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ ﴿١٨﴾

Maksud: *Kemudian Kami jadikan kamu berada di atas suatu syariat (peraturan) dari urusan (agama itu), maka ikutilah syariat itu dan janganlah kamu ikuti hawa nafsu orang yang tidak mengetahui.*

(Surah al-Jaathiyah, 45: 18)

Ayat di atas memberikan penekanan terhadap pelaksanaan pendidikan berlandaskan syariat Islam dalam sebuah institusi kekeluargaan. Aspek ini penting agar nilai positif yang dibawa oleh agama dapat ditanamkan dalam proses tumbesaran kanak-kanak dari tahap kelahiran sehingga mencecah usia dewasa. Hal ini penting untuk tujuan pembentukan sendiri individu dengan nilai sahsiah tinggi. Hal ini demikian bermakna apabila seseorang anak lahir, setiap ibu bapa perlu memainkan peranan bagi memperkenalkan mereka dengan kata-kata thayyibah dan semasa anak-anak dalam proses membesar, mereka perlu ditanamkan dengan nilai agama yang berkaitan dengan keimanan agar anak meyakini adanya Allah dan dapat mengenali Allah dengan sebenar-benar keyakinan (ma'rifatullah).

Jelasnya, sesebuah keluarga yang harmoni bermula daripada hubungan yang baik daripada ibu bapa yang sepatutnya menjadi contoh kepada anak-anak. Anak-anak perlu diajar mengenai ajaran nilai moral, cara pergaulan yang baik, berpakaian sopan dan mengamalkan sifat-sifat baik dengan mempraktikkan kejujuran, keadilan, hidup bersederhana, sabar dan sebagainya.

KESIMPULAN

Elemen agama merupakan satu faktor yang penting dalam institusi kekeluargaan. Aspek ini perlu diberikan penekanan kerana kerapuhan institusi keluarga bukan hanya berpunca daripada masalah sosial, tetapi juga pengabaian tanggungjawab oleh ibu bapa dalam memdidik anak-anak. Oleh yang demikian, kehidupan berkeluarga perlu digerakkan mengikut syiar Islam.

Antara asas yang menjadi tapak tegaknya mesyarakat Islam ialah sistem kekeluargaan yang merupakan asas dan sumber kekuatan sesebuah masyarakat. Hal ini demikian kerana masyarakat yang terbentuk terdiri dari unit-unit keluarga yang dibina. Oleh itu, ibu bapa tidak boleh mengambil mudah berkaitan peranan mendidik anak dan memandang remeh aspek akhlak yang perlu diberikan perhatian utama. Kegagalan dalam aspek ini bermakna ibu bapa sebagai pembimbing anak-anak gagal menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka. Pembinaan keperibadian anak di usia yang masih kecil amat penting kerana ia akan mempengaruhi peribadi mereka sepanjang proses pembesaran. Anak-anak mudah menyerap karakter ibu bapa dan terikut-ikut dengan kelakuan orang di sekelilingnya. Dalam hal ini, ibu bapa perlu memainkan peranan sebagai *role model* yang efisien agar anak-anak diberikan tunjuk ajar yang sempurna serta diterapkan dengan nilai positif sejak kecil.

Melalui perbincangan di atas serta kajian-kajian lalu yang dijalankan, dapat disimpulkan bahawa ilmu kekeluargaan berkonsepkan Islam perlu dijadikan sebagai pedoman buat golongan ibu bapa untuk memastikan sesebuah unit keluarga dapat berfungsi secara efisien dan menyumbang kepada pembangunan negara secara aktif. Hal ini demikian kerana ilmu agama yang teguh khususnya dalam pendidikan anak akan berupaya menjadi benteng yang kukuh dalam diri anak-anak agar sentiasa tabah dan berjaya mengharungi cabaran hidup dan tidak mudah dipengaruhi oleh unsur-unsur negatif yang mampu merosakkan kehidupan.

RUJUKAN

- Abdul Munir Ismail, Saharizah Mohammad Salleh & Misnan Jemali. (2010). Analisis Bentuk Didikan Ibu Bapa Bagi Membentuk Sahsiah Cemerlang: Kajian di Sekolah Kebangsaan Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka. *Jurnal Pekspektif*, 1.
- Abdullah, Murihah, Abdullah, Abdul Hafiz, & Rosman, Arief Salleh. (2015). *Identifikasi Peranan Ibu Bapa dalam Memastikan Kelangsungan Pendidikan Tahfiz Anak-Anak*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (IsPEN 2015), Selangor.
- Abu Dawud, Sulaiman. (2009). *Sunan Abi Dawud* (Shu'aib al-Arnut & Muhammad Kamil Qurrah Balali Ed. Vol. 1-7). Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Achoui, Mustapha. (1998). Human Nature from a Comparative Psychological Perspective. *The Amerin Journal of Islamic Social Sciences*, 15 (4), 71-95.
- Al-Attas, Profesor Syed Muhammad Naquib. (1980). The concept of education in Islam. 46.
- Al-Bukhari, Muhammad. (2001). *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari* (Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir Ed. Vol. 1-9). Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Jakarti, Iyas. (2014). *Hakikat Islam: Cara Mudah Memahami Diri Sendiri, Tuhan dan Kehidupan* (Revisi Pertama ed.). Jakarta: Padri Baru.
- Al-Qorni, 'Aidh Abdullah. (2010). *Mendidik Remaja Muslim Menjadi Orang Beriman & Bertakwa* (Mujahidin Muryadi, Trans.). Kuala Lumpur: Pustaka Al-Shafa.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. (1995). *Al-Mu'jam al-Ausat* ('Abd al-Muhsin bin Ibrahim al-Hasini Tariq bin 'Audullah bin Muhammad Ed. Vol. 1-10). Al-Qahirah: Dar al-Harmain.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. (1998). *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi* (Bashar 'Awad Ma'ruf Ed. Vol. 1-6). Beirut: Dar al-Girb al-Islami.

- Alias, Hasbullah Hafiz, Abdul Hamid, Mohd Hakimi, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2019). *Melayar Keluarga yang Cemerlang dalam Islam*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019, 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur.
- Anom. (2003). Gejala Sosial - Sukar Kawal Pelajar Luar Kampus. *Utusan Malaysia*. Retrieved from http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2003&dt=0118&pub=utusan_malaysia&sec=pendidikan&pg=pe_01.htm&arc=hive
- Arifin, Shamsul. (2014). Islam Ditinjau Dalam Aspek Pendidikan *Tarbiyatuna*, 8(1), 107-129.
- Baba, Sidek. (2007). *Keluarga Islam, Kemahiran Keibubapaan dan Cabaran Semasa* (Azrina Sobian Ed.). Petaling Jaya: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Basiron, Bushrah. (2006). *Wanita Cemerlang*. Skudai, Johor: Penerbit, Universiti Teknologi Press.
- Basiron, Bushrah, & Mhod Shubari, Mohammad Iqram. (2015). Mahasiswa dan Amalan Kerohanian. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Mahasiswa dan Kehidupan dari Perspektif Islam: Asas Pembangunan Diri* (Vol. 1). Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Basiron, Bushrah, Mustari, Mohd Ismail, Jasmi, Kamarul Azmi, Hamzah, Naemah, Kadikon, Sulaiman, & Hamzah, Abd. Rahman. (2016). *Status Wanita Muslim dalam Aspek Pendidikan*. Kertas kerja Dibentangkan di International Seminar on Islamic Studies and Research (ICIER2016), Eagle Bay Hotel Langkawi.
- Dakir, Hajah Jawiah. (1996). Asas Pembentukan Keluarga Menurut Perspektif al-Qur'an dan al-Sunnah. *ISLAMIYYAT, Jurnal Antarabangsa Pengajian Islam*, 17(Selangor Darul Ehsan, Universiti Kebangsaan Malaysia), 3-18.
- Din, Haron. (2007). *Islam: Rujukan Efektif Akhlak Mulia*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Fakhrudin, Asmawati Suhid & Fathiyah Mohd. (2012). Gagasan Pemikiran Falsafah dalam Pendidikan Islam: Hala Tuju dan Cabaran. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 4 (2) 57-70.
- Hamzah, Naemah, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2020). *Wanita Bekerjaya Menurut Perspektif Islam*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Hamzah, Naemah, Mustari, Mohd Ismail, & Basiron, Busharah. (2015). Model Pendidikan Kerohanian Terhadap Anak-anak dalam Kalangan Wanita Cemerlang Sektor Awam. 5(1), 13.
- Harian Metro, Online*. (2012, 13 Mei 2012). Pantau Remaja Bermasalah. *Harian Metro, Online*. Retrieved from www.hmetro.com.my
- Hashim, Shahabuddin, & Abdul Rahman, Noor Miza. (2014). *Kedah Pengajaran dan Pembelajaran Kerohanian Kanak-Kanak*. Batu Caves, Selangor, Malaysia: PTS Media Groups Sdn. Bhd.
- Haslinda, Ratna Roshida & Nik. (2007). Peranan Institusi Keluarga Dalam Penjanaan Bangsa Bertamadun. *Journal Kemanusiaan*, 9(9), 10.
- Hassan, Amran. (2011). Konflik.
- Ibn Majah, Muhammad Yazid. (2009). *Sunan Ibn Majah* (Shu'ayb Al-Arna'ut, 'Adil Murshid, Muhammad Kamil Qurrah Balali, & 'Abd al-Latif Hirzullah Ed. Vol. 1-5). Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiyyah.
- Ina Fauzia. (2015). Prinsip dan Ajaran Islam dalam Ilmu Pengetahuan. Retrieved from <http://inafauzia95.blogspot.my/2015/05/prinsip-dan-ajaran-islam-dalam-ipteks.htm>
- Isa, Mohd, Fahmi, Arif, Yahya, Muhd, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Wanita dan Perkahwinan dalam Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.

- Ismail, Adawiyah. (2011). Konsep Keluarga Berkualiti Menurut Islam. *Al-Hikmah*, 3(Selangor Darul Ehsan, Universiti Kebangsaan Malaysia), 121-144.
- Ismail, Ahmad Munawar, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2016). *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam*. Skudai, Johor: Penerbit UTM Press.
- Jaapar, Nur Zahidah, & Azahari, Raihanah. (2011). Model Keluarga Bahagia Menurut Islam. *Fiqh*(8), 20.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2002). *Paradigma Al-Imam al-Nawawi Dalam Pembangunan Insan: Satu Kajian Teks Terhadap Kitab Riyad al-Solihin*: Universiti Malaya: Projek Sarjana.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2005). *Menjejaki Kecemerlangan Rasulullah S.A.W. dalam Pendidikan Keluarga Islam*. Kertas kerja Dibentangkan di Sambutan Maulid al-Rasul, Perkarangan Masjid Jamek Ladang Sri Gading Pekan Sri Gading Batu Pahat Johor. http://eprints.utm.my/41143/1/JasmiKA2005_MenjejakiKecemerlanganRasulullahdlmPendidikan.pdf
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2016a). Ilmu. In Azmi Kamarul Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam*. Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam (Malaysia).
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2016b). Pembangunan Akhlak. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Edisi Pertama ed., pp. 99-100). Skudai Johor:: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam [Malaysia] (AIES).
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2017a). Ilmu. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Kedua ed., Vol. 1, pp. 85-87). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam UTM & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam (Malaysia).
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2017b). Masalah Seksual dalam Kalangan Remaja dan Penyelesaiannya. In Azmi Kamarul Jasmi (Ed.), *Remaja Hebat Siri 1: Batasan dan Halangan Kecemerlangan Remaja Muslim*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2017c). Remaja dan Kehidupan Berbatasan dalam Beragama. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Remaja Hebat Siri 4: Batasan dan Halangan Kecemerlangan* (Vol. 4, pp. 15-34). Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018a). *Ciri Orang yang Bertakwa: Al-Baqarah (2: 1-5)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 2: Program Budaya al-Quran 26hb. Julai 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018b). *Ciri Orang Yang Bertakwa: Surah al-Baqarah (1: 1-5)*. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018c). *Hidayah sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Al-Fatihah (1: 1-7)*. Kertas kerja Dibentangkan di Siri 1: Program Budaya al-Quran 19hb. Julai 2018, Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018d). *Hidayah Sebagai Anugerah Tidak Ternilai: Surah al-Fatihah (1: 1-7)* (Vol. 1). Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2018e). Karakter 7B Mukmin Cemerlang. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah (TAMU)*, 4(1), 1-22.
- Jasmi, Kamarul Azmi. (2020). *Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam al-Nawawi*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Hong, Foo Chee, & Shamsuddin, Shazmeen Daniar. (2012, 22 September 2012). *Perkembangan Sosial Anak dan Hubungannya dengan Rakan Sebaya*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Pertama Sains, Teknologi, dan Manusia, Marbawy Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.

- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md Saleh @ Masrom, Siti Fauziyani. (2005). *Kecemerlangan Wanita Profesional Mengimbangi Tugas Rumah tangga dan Kerjaya: Perspektif Islam*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Wanita Profesional, Main Hall of Faculty of Education, Universiti Malaya.
http://eprints.utm.my/41142/1/JasmiKA2005_KecemerlanganWanitaProfesionalMengimbangiTugas.pdf
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md Salleh, Siti Fauziyani. (2007). *Pendidikan dan Pembangunan Keluarga Cemerlang*. Skudai Johor Bahru: Penerbit UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Md. Saleh @ Masrom, Siti Fauziyani, Mustari, Mohd Ismail, & Afgani @ Eusoff, Yendo. (2004). *Pembentukan Tatacara Kehidupan Beradab: Keperluan Asas Kanak-kanak Islam*. Kertas Kerja Dibentangkan di Simposium Kebangsaan Kanak-kanak Menurut Perspektif Islam.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Md. Saleh@ Masrom, Siti Fauziyani. (2020). Didiklah Kami dengan Sempurna.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Mustari, Mohd Ismail, Bachok, Nurul Atika, & Chik, Nong. (2017). Membina Remaja Cemerlang dengan Kerohanian. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Remaja Hebat: Dasar mbaagwiaa Remaja Hebat, P., ISBN: 978-983-52-1376-2*. (Vol. 1, pp. 57-81). Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Jasmi, Kamarul Azmi, Mustari, Mohd, & Mohamed, Ahmad Kilani. (2004). Pendidikan Akhlak kepada Allah SWT: Nadi Penggerak Pembangunan Peradaban Insan.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Suratman, Azmi Shah. (2007). Pembangunan Modal Insan yang Sempurna Menurut Perspektif Al-Imam-Al-Nawawi.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Kaawoan, Selviyanti. (2014). Pendidikan Agama Islam dalam membentuk Perilaku Toleran pada Warga Sekolah. *Manajemen Pendidikan Islam*, 2(1), 8.
- Mansor, Aminuddin. (2017, Dcember 26). Bentuk anak dengan didikan agama. *Utusan Online*, 1.
- Mat Naib, Norfarhana. (2017). *Peranan Ibu Bapa Dalam Mendidik Anak-Anak*. (Ijazah Sarjana Muda Syariah), KIAS. (031)
- Md Saman @ Osman, Asri. (2012). *Peranan Ibu Bapa dalam Mendidik Anak-Anak*. Jitra Kedah: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, IPG Kampus Darulaman.
- Mohamad Fauzi, Muhammad Shafiq , Mohd Sofian, Siti Nur Akira , & Jasmi, Kamarul Azmi (2019). *Persediaan Asas ke Gerbang Perkahwinan*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019, 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur.
- Mohd, Jeffrey, Teck, Kho Vi, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012, 21 April 2012). *Islam dan Pendidikan Wanita*. Kertas Kerja Dibentangkan di Seminar Tamadun 2012, Marbaw Hall, Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Nasir, Abdul Kadir. (2012). Kemahiran Ibu Bapa. Retrieved from <http://www.myhealth.gov.my/kemahiran-ibu-bapa/>
- Mohd Noor, Ahmad Firdaus, Jasmi, Kamarul Azmi, & A Shukor, Khairunnisa. (2013, 17-18 September 2013). *Masalah Sosial dalam Kalangan Pelajar dan Peranan Pensyarah Pendidikan Islam dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Kertas Kerja Dibentangkan di Prosiding Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam [SePPIM'13], The Main Hall, Faculty of Islamic Cilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Rashid, Nor Amirah, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2005). *Kesan Negatif Globalisasi Terhadap Wanita Islam dan Penyelesaiannya*. Kertas kerja Dibentangkan di International Seminar

- On Muslim Women: Future & Challenges In Shaping The Ummah, Sofitel Palm Resort, Senai Johor.
http://eprints.utm.my/41146/1/Mohd%20RashidNA2005_PengaruhGlobalisasiTerhadapWanita.pdf
- Muhammad, Azhar, Jusoh, Yahaya, Basiron, Bushrah, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2005). *Pengiktirafan Islam Terhadap Hak Wanita dalam Bidang Pendidikan dan Kerjaya*. Kertas kerja Dibentangkan di International Seminar On Muslim Women: Future & Challenges In Shaping The Ummah, Sofitel Palm Resort, Senai Johor.
http://eprints.utm.my/41145/1/MuhammadA2005_PengiktirafanIslamTerhadapHakWanita.pdf
- Muslim, A. Kadir. (2003). *Ilmu Islam Terapan*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Muslim, al-Hajjaj. (t.th.). *Sahih Muslim* (Vol. 1-8). Beirut: Dar al-Fikr.
- Nasih Ulwan, Abdullah. (1999). *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam (Terj.)*. Singapura: Pustaka Nasional PTE. LTD.
- Nugroho, Puspo. (2012). Pendidikan Kerukunan Umat Beragama; Telaah Konsep Kerukunan Umat Beragama Perspektif Pendidikan Islam. *Mudarrisa*, 4(2), 22.
- Nur Zahidah, J & Raihanah, A. (2011). Model Keluarga Bahagia Menurut Islam. *Journal Fiqh*, 8(8).
- Ratna Roshida, Abd. Razak, & Nik Haslinda, Nik Hussain. (2007). Peranan Institusi Keluarga dalam Penjanaan Bangsa Bertamadun. *Jurnal Kemanusiaan*, 9, 10.
- Safar, Ajmain@Jimaain. (2017). Pendidikan Akhlak. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (2 ed., Vol. 1, pp. 173-180). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Sharif, Zainudin, & Mohamad Roslan, Norazmah. (2011). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Remaja Terlibat dalam Masalah Sosial di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling, volume*, 1(1), 115-140.
- Siron, Rusinah. (2010). Remaja dan Masalah Sosial. *Utusan Malaysia*.
- Suhid, Asmawati. (2005a). Kerelevanan pendidikan nilai dan agama dalam pembentukan masyarakat madani. *Pendidikan Islam, Jilid II*, (Bil 2 Mac).
- Suhid, Asmawati. (2005b). Pemantapan Komponen Akhlak dalam Pendidikan Islam bagi Menangani Era Globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan*, 6(S), 95-104.
- Ulwan, Dr Abdullah Nasih. (2008). Pendidikan Anak-anak Dalam Islam. 1(2).
- Utusan. (2018). KPI Dalam Mendidik Anak. *Utusan*. Retrieved from <https://www.utusan.com.my/mega/agama/kpi-dalam-mendidik-anak-1.436623> pada 9 Julai 2019
- Wan Embong, Wan Hassan. (2017a). Konsep Pendidikan Islam. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Kedua ed., Vol. 1, pp. 118-120). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Wan Embong, Wan Hassan. (2017b). Pendidikan. In Kamarul Azmi Jasmi (Ed.), *Ensiklopedia Pendidikan Islam* (Kedua ed., Vol. 1, pp. 170-173). Skudai Johor: Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia.
- Yunus, Qamaruddin. (1978). *Pedoman Hidup Berkeluarga Menurut Islam*. Kelantan: Pustaka Aman Press.
- Yusooff, Che Hasniza Che Noh & Fatimah. (2011). Corak Komunikasi Keluarga dalam Kalangan Keluarga Melayu di Terengganu. *Hadhari*, 3(2), 45-62.
- Zabidi, Ahmad Fakhruddin Mohammed Zabidi & Mahfuzoh Mohammed. (2014). Pedoman Al-Quran dan Al-Sunnah Terhadap Pedagogi Kerohanian dalam Pengajaran dan

- Pembelajaran di Universiti. The 4th International Conference and Exhibition on Islamic Education 2014. 503-511.
- Zaid, Siti Salwa, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2012). *Pendidikan Sosial Menurut Imam al-Nawawi: Satu Kajian Teks terhadap Kitab Riyad al-Salihin*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Zainal, Khalim , & Wan Hassan, Wan Zulkifli. (2009). Pendekatan Islam dalam Menangani Masalah Disiplin Tegar dalam Kalangan Pelajar Sekolah: Satu Kajian Kes. *Journal of Islamic and Arabic Education*, 1(2), 1-14.
- Zambri, Zairie Sahira, Abdullah, Fazlin, & Jasmi, Kamarul Azmi. (2019). *Kemahiran Penting Ibu Bapa untuk Pembentukan Keluarga Cemerlang*. Kertas kerja Dibentangkan di Seminar Institusi Islam 2019, 5.01 Bangunan Tun Razak (SPACE), Kuala Lumpur.